

16 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (Surat)

SURAT UMMI DAN AZIZAN DIAMBIL DARI PEJABAT PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Surat asal permohonan maaf dari Azizan Abu Bakar dan Ummi Hafilda Ali kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diperolehi dari pejabat Perdana Menteri baru-baru ini, kata SAC I Musa Hassan hari ini.

Beliau berkata surat-surat itu diperolehinya pada 6 Nov lepas.

"Tidak ada dokumen lain yang saya ambil dari pejabat Perdana Menteri selain dua dokumen itu," katanya.

Musa berkata demikian pada perbicaraan terhadap Anwar, 51, bekas Timbalan Perdana Menteri dan juga bekas Menteri Kewangan yang menghadapi empat tuduhan rasuah menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Anwar didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Perbicaraan yang didengar di hadapan Hakim Datuk S. Augustine Paul kini masuk hari ke-28. Musa, saksi ke-13 pendakwaan, merupakan pegawai penyiasat dalam kes itu.

Ummi Hafilda, adik Mohd Azmin, bekas setiausaha sulit Anwar dan merupakan penulis surat Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri bertarikh 5 Ogos 1997 yang dialamatkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Azizan pula ialah bekas pemandu Datin Seri Wan Azizah Ismail, isteri Anwar, yang membuat pengakuan bersumpah bahawa dia diliwat Anwar dan pengakuan itu disertakan bersama surat berkenaan.

Semasa disoal balas oleh peguam Gurbachan Singh sama ada beliau ada menerima apa-apa surat dari Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin, bekas Ketua Menteri Melaka Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik atau Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, Musa berkata, "Saya ada menerima surat yang dinyatakan peguam."

Hakim: Surat apa?

Gurbachan: Surat dari Tun Daim...

Musa: Saya tidak menerima apa-apa surat atau apa-apa dokumen dari Tun Daim, Tan Sri Rahim Tamby Chik dan Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

Semasa ditanya oleh Gurbachan mengapa beliau menyebut ada menerima surat itu, beliau berkata ia melibatkan dokumen yang diserahkan oleh Cawangan Khas kepadanya.

Bagaimanapun, setelah terdiam sebentar seperti cuba mengingati sesuatu, beliau kemudian meminta maaf dan berkata: "Tidak ada sebarang dokumen yang diterima daripada mereka, saya keliru dengan soalan tadi."

Beberapa orang awam termasuk anggota keluarga Anwar ketawa mendengar jawapan itu.

Mengenai dokumen yang diterima daripada Cawangan Khas, beliau berkata ia berkaitan surat memohon maaf Ummi Hafilda dan Azizan.

Semasa ditanya sama ada pengakuan sumpah Azizan dihantar kepada pakar pemeriksa dokumen untuk tujuan perbandingan tandatangan, Musa berkata beliau tidak berbuat demikian.

Ketika ditanya peguam Christopher Fernando, beliau berkata dalam perjalanan siasatannya terhadap kes itu, beliau mengambil fail daripada Cawangan Khas tetapi tidak mengandungi satupun laporan yang dihantar kepada Perdana Menteri.

Ditanya sama ada beliau tahu siapa yang membuat laporan kepada Perdana

Menteri, Musa berkata beliau tidak tahu siapa yang membuat laporan itu walaupun beliau merupakan pegawai penyiasat kes itu.

"Sekarang baru saya tahu bahawa satu laporan telah dihantar kepada Perdana Menteri berkaitan kes yang saya siasat pada tahun 1997 semasa menyiasat kes 50 Dalil pada Ogos tahun ini," katanya.

Pada peringkat ini Fernando mendakwa saksi berbohong kerana semalam dalam keterangannya beliau berkata beliau tahu mengenai laporan itu melalui satu laporan akhbar.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail membantah kenyataan itu dan sebaliknya menuduh peguam itu sendiri yang berbohong sehingga menyebabkan peguam itu meminta Abdul Gani menarik balik kenyataannya itu.

Abdul Gani kemudian meminta maaf dan menarik balik kenyataannya itu serta menjelaskan bahawa tindakannya ialah kerana tidak sanggup saksi dituduh sebagai pembohong.

Musa dalam penjelasannya berkata beliau tahu laporan dihantar kepada Perdana Menteri melalui akhbar tetapi tahu ianya dihantar oleh bekas Pengarah Cawangan Khas Datuk Mohd Said Awang semasa menyiasat.

Mengenai laporan akhbar yang menyebut Perdana Menteri berkata bahawa beliau berpuashati dengan siasatan itu dan kes itu telah ditutup, Musa berkata ia bukan satu arahan kepadanya.

-- BERNAMA

NHD AKD